

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]**

**TARIKH : 2.12.2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menangani isu penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar kerana kurangnya peluang ekonomi di luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Survei Migrasi Malaysia oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, tahun 2018, kadar migrasi dari luar bandar ke bandar adalah 4.8% berbanding kadar migrasi dari bandar ke luar bandar adalah 19.5%. Mengikut keluarga merupakan sebab utama migrasi iaitu 44.2%, diikuti dengan kerjaya (24.3%) dan persekitaran (22.4%).

Antara strategi dan program yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi menangani isu penghijrahan penduduk luar bandar adalah dengan melengkapkan kawasan luar bandar dengan kemudahan jalan perhubungan, bekalan air bersih dan terawat, bekalan elektrik dan mempunyai capaian internet yang baik.

Di samping itu, pelaksanaan program ekonomi seperti Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK), Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Desa Lestari, Program

## NO. SOALAN : 1

Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), program pemasaran produk selain program-program keusahawanan dan kemudahan pembiayaan perniagaan.

Selain itu, pihak Kementerian juga sedang giat mempromosi pelaksanaan program pemasaran atas talian yang dikenali sebagai Desamall@KPLB yang bertujuan membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka secara atas talian melalui platform e-dagang seperti Lazada, e-Bay dan Shopee. Melalui platform ini, pemasaran produk usahawan luar bandar tidak hanya terhad untuk pasaran domestik, malah ianya juga boleh dicapai oleh pelanggan dari luar negara. Bagi menyokong pelaksanaan program Desamall@KPLB ini, pihak Kementerian sedang dalam usaha menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi Kerajaan untuk meningkatkan akses dan kemudahan prasarana internet di kawasan luar bandar.

Kementerian yakin, dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan seperti kemudahan prasarana, program berbentuk ekonomi dan ekosistem keusahawanan yang lebih berkesan di luar bandar akan dapat membantu mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar.

Disamping itu, Kementerian sedang meneliti program-program baharu untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, khususnya untuk mewujudkan peluang ekonomi sekaligus dapat meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar.

Sekian, terima kasih.